


## AUDIT SWAAKREDITASI UITM Peringkat PTAR Tahun 2015



**25 Mei, Shah Alam-** Perpustakaan Tun Abdul Razak telah melalui proses audit institusi yang dikendalikan oleh pihak MQA (*Malaysian Qualifications Agency*), sebagai persediaan untuk diperakukan status Swaakreditasi oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Swaakreditasi adalah satu status yang melayakkan sesebuah Institut Pengajian Tinggi mengakreditasi sendiri program pengajian tanpa perlu mendapatkan kelulusan MQA dan Kementerian Pendidikan Malaysia (hanya perlu dimaklumkan sahaja). Namun begitu ia masih tertakluk kepada audit pemantauan secara berterusan oleh pihak MQA. Walau bagaimanapun, Swaakreditasi tersebut tidak termasuk program professional yang masih perlu mendapatkan akreditasi dan pengiktirafan badan professional berkaitan.

Pihak InQKA (*Institute of Quality and Knowledge Advancement*) UiTM telah mengadakan sesi penerangan dan memberikan bantuan serta khidmat nasihat kepada Pusat Tanggung Jawab yang berkaitan bagi persiapan audit tersebut. Sesi Lawatan Audit ini telah dimulakan dengan taklimat dan penerangan berkenaan Perpustakaan Tun Abdul Razak secara khususnya, dan Perpustakaan UiTM amnya, disampaikan oleh Ketua Pustakawan Perpustakaan UiTM, Encik Noor Hidayat Adnan. Dua orang panel dari MQA iaitu Prof. Dr. Kaharudin Dimiyati (Fakulti Kejuruteraan, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia), dan Prof. Madya Ar. Dr. Ku Azhar Ku Hassan (Pensyarah Kanan & Arkitek Professional, USM) telah hadir pada sesi tersebut.

Seterusnya pada 28 Mei, lawatan tapak di Perpustakaan Tun Abdul Razak dan juga Perpustakaan Pengurusan Perniagaan Tun Abdul Razak telah dipilih oleh Auditor untuk melihat pembuktiaan bagi *Area 6: Educational Resources* dalam penilaian MQA, iaitu sumber bahan pengajaran dan pembelajaran serta perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan oleh perpustakaan bagi menyokong pembelajaran serta pengajaran Universiti. Turut hadir, dalam sesi lawatan tapak ini adalah Prof. Dr. A.S. Prof. Dr. Nasaruddin Abdul Aziz, Prof. Madya Dr. Che Aniza Che Wei dan Dr. A.S. Hardy Shafii, panel dari MQA.



**Penasihat**  
En. Noor Hidayat Adnan

**Editor**  
En. Jamalludin Sulaiman

**Pengurus Produksi**  
Pn. Nor Azwani Mohamad

### Wartawan

En. Nik Lokman Nik Ismail  
Pn. Nor Azwani Mohamad

En. Mohd Hazrul Mohd Hussin  
Pn. Aznur Umiza Binti Abu  
Kassim

### Grafik

Cik Ain Nur Munirah Abdullah  
En. Zawawi Husin

### Foto

Pn. Rostinah Mujir

### Edaran

Pn. Munirah Mohamad Izzan

### Idea, Konsep dan Terbitan

Unit Penerbitan, Bahagian  
Kompetensi dan Korporat,  
PTAR

**SIDANG  
REDAKSI**

# BENGGKEL ASAS

## Penulisan Berita & Rencana PTAR



### Membina Ketajaman Penulisan di Kalangan Warga PTAR

Unit Komunikasi Korporat, Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) dengan kerjasama Unit Latihan PTAR telah menganjurkan program Bengkel Penulisan Berita dan Rencana baru-baru ini. Bengkel yang berlangsung selama dua hari ini yang bertempat di Pusat IT PTAR menekankan bidang penulisan terutamanya di dalam penulisan e-buletin yang diterbitkan oleh PTAR sekali setahun.

Dalam memastikan setiap peserta atau wakil daripada setiap perpustakaan cawangan mendapat ilmu bidang penulisan berita dan rencana, pihak Unit Komunikasi Korporat PTAR telah menjemput dua orang pengarang daripada media arus perdana bercetak di negara ini iaitu Berita Harian. Dua nama besar di dalam bidang penulisan berita dan rencana daripada Berita Harian ini

Encik Ridzuan Yop, Pengarang Berita Unit Pendidikan dan Encik Azman Abdul Hamid, Pengarang Rencana dan Op-Ed Berita Harian. Dalam program yang dianjurkan ini, seramai 30 orang wakil



daripada setiap perpustakaan cawangan yang dipilih untuk bertanggungjawab di dalam melaporkan setiap aktiviti dalam bentuk penulisan berita telah hadir mengikuti program yang dianjurkan ini.

Sementara itu menurut salah seorang penceramah Encik Ridzuan Yop berkata beliau amat bergembira untuk mencurahkan ilmu yang diperolehinya selama ini di dalam bidang penulisan berita untuk disalurkan kepada setiap peserta di dalam kursus ini.



*“Saya telah berkecimpung hampir 24 tahun di dalam bidang penulisan berita dan juga rencana, saya melihat bidang penulisan mempunyai kekuatannya yang tersendiri terutamanya di dalam menyampaikan maklumat serta meningkatkan nama, industri, produk dan sebagainya. Oleh kerana itu saya juga mengharapkan agar PTAR menggunakan peluang pembelajaran ini untuk meningkatkan ketajaman penulisan masing-masing dalam menyampaikan maklumat kepada setiap pengguna perpustakaan ini”*

ujar beliau dengan penuh semangat.

Di dalam program ini setiap peserta telah diuji kebolehan menulis masing-masing di dalam penulisan berita dan rencana melalui tajuk-tajuk berita dan artikel yang dibawa oleh kedua penceramah tersebut.

Menurut Encik Jamalludin Sulaiman, Ketua Jabatan Pejabat Ketua Pustakawan berkata beliau amat berterima kasih kepada kedua-dua pegawai senior daripada pengamal media ini kerana sudi mencurahkan dan berkongsi ilmu dan pengalaman dengan wargakerja PTAR.

“Saya amat mengharapkan dengan kehadiran dua orang pengamal media yang senior ini mampu mencetuskan minat dan dorongan untuk setiap wargakerja PTAR yang hadir pada pagi ini berminat untuk menyediakan bahan penulisan yang baik dan kemas” katanya yang turut merasmikan program tersebut.

Menurut beliau lagi, inilah masanya setiap wargakerja PTAR belajar untuk menulis dengan kaedah yang betul, kemas dan tersusun terutamanya di dalam melaporkan setiap aktiviti yang berlaku di perpustakaan masing-masing.



# KURSUS PEMANTAPAN PEMBANGUNAN DAN PENGUKURAN PEMILIKAN BAHAN-BAHAN BACAAN/RUJUKAN SILIBUS UiTM KOLEKSI PERPUSTAKAAN UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA NEGERI 2015

**Anjuran**

BAHAGIAN PENGURUSAN REPOSITORI INSTITUSI DAN IMBANGAN BAHAN PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK (PTAR)

## SKOP KURSUS

1. Pendedahan kepada penggunaan template Semakan Semakan Bahan Bacaan/Rujukan Silibus (SBBRS) yang digunakan oleh seluruh sistem PUiTM:

Penyediaan Senarai Bahan  
Semakan Status Koleksi  
Semakan Alat Perolehan (ACQ Tools)  
Penentuan Pembelian

2. Pengenalan kepada E-Syllabus di dalam PTAR KM Portal sebagai medium penyimpanan dokumen silibus UiTM

3. Penerangan lengkap Polisi Bahan Bacaan/Rujukan Silibus

4. Pemprosesan teknikal bahan bacaan/rujukan silibus seperti Tag 526, Item Category dan Spine Label

5. Penempatan bahan bacaan/rujukan silibus

## AKTIVITI

PROGRAM / TARIKH	PENCERAMAH & FASILITATOR	CATATAN
Program Kursus di PUiTM SARAWAK  Tarikh : 6 -7 Mei 2015  Tempat : Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Sarawak, Samaran 1	1. Penceramah: En. Zulkifli Hj Ismail Timbalan Ketua (Pustakawan)  2. Fasilitator En. Mohd Fahizan bin Hamid (Pustakawan)	- Kursus dirasmikan oleh En. Ariffin Jamaludin (Timb. Ketua pustakawan)  -Peserta 31 orang.  - Terdiri daripada Timb. Ketua Pustakawan, Pustakawan, Pembantu Perpustakaan Kanan dan Pembantu Perpustakaan  -Turut Hadir Staf Perpustakaan Kampus Samarahan 2 dan Kampus Mukah
Program Kursus di PUiTM PERAK  Tarikh: 12-13 Mei 2015  Tempat : Perpustakaan UiTM Sri Iskandar, Perak	1. Penceramah: En. Mohd Fahizan bin Hamid (Pustakawan)  2. Fasilitator En. Herman bin Tanbeh (Pembantu Perpustakaan Tingkat Kanan)	- Kursus dirasmikan oleh En. Abd Ghani Ahmad Timb. Ketua pustakawan  - Peserta 33 orang.  -Terdiri daripada Timb. Ketua Pustakawan, Pustakawan, Pembantu Perpustakaan Kanan, Pembantu Perpustakaan dan Pembantu Pemuliharaan  -Turut Hadir Staf Perpustakaan Kampus Tapah



# LAWATAN AKADEMIK

## Fakulti Teknologi Kejuruteraan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia ke PTAR

Shah Alam, 20 Mei - Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) Utama telah menerima kunjungan lawatan akademik daripada delegasi pelajar Jabatan Teknologi Kejuruteraan Kimia, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) baru-baru ini.

Pelajar-pelajar UTHM ini yang terdiri daripada 24 orang mahasiswa daripada Program Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Tekstil Industri) sambil diiringi oleh 3 orang pensyarah mereka mengadakan lawatan ke PTAR sebagai satu pendedahan tentang gedung ilmu seumpama PTAR yang menyediakan bahan-bahan pembacaan yang pelbagai dan bersesuaian dengan bidang pengajian yang dipelajari.

Menurut salah seorang pensyarah mereka, Puan Azrin Hani Abdul Rashid berkata antara objektif lawatan akademik ini ialah untuk membantu pelajar memahami dan mempelajari tatakkerja di lokasi sebagai keperluan pengajaran dan pembelajaran para pelajar ini.



“Selain daripada mengadakan lawatan ke sini, pihak kami juga ingin membolehkan para mahasiswa bertukar pendapat mengenai bahan pembacaan terutama sektor kejuruteraan mekanikal tekstil industri yang terdapat di sini yang mungkin tiada di perpustakaan kami selain mengeratkan hubungan silaturahim antara kedua belah pihak” katanya lagi.

Rombongan delegasi ini telah disambut dan diraikan oleh Pustakawan daripada Unit Komunikasi Korporat PTAR, Encik Nik Lokman Ismail sebelum diberikan penerangan penuh tentang suasana, bahan-bahan pembacaan, kemudahan-kemudahan yang ditawarkan dan waktu operasi yang dilaksanakan di PTAR.

Sebaik sahaja selesai sesi penerangan yang disampaikan, para pelajar UTHM ini dibawa melawat ke setiap bahagian dan juga tingkat bangunan yang terdapat di sini.

# KURSUS ADEBE INDESIGN

## DIARI Mei 2015

- Perjumpaan Staf PTAR Bersama Presdien KKKUUiTM  
05 Mei 2015
- Mesyuarat Library Outreach  
06 Mei 2015
- Bengkel Tindakan Pembetulan & Pencegahan(CAPA)  
11 Mei 2015
- Taklimat Kesedaran Pencegahan Kebakaran  
12 Mei 2015
- Bengkel Penyediaan Laporan AKNC  
13 Mei 2015
- Kursus Adobe In Design (Asas)  
19 Mei 2015
- Lawatan Akademik UTHM ke PTAR  
20 Mei 2015
- Bengkel Penulisan & Rencana  
20 Mei 2015
- Audit SWA Akridetasi oleh MQA di PTAR  
25 - 28 Mei 2015

Bahagian Pengurusan Perpustakaan Digital (BPPD), Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR), UiTM Shah Alam (PUiTM) telah menganjurkan Kursus Adobe InDesign (Asas) bertarikh 19 - 21 Mei 2015. Kursus asas Adobe InDesign yang diadakan di Pusat IT PTAR Utama ini telah dihadiri oleh seramai 30 orang peserta. Penceramahannya, Tuan Haji Jasni Ghani adalah merupakan Penolong pegawai teknologi maklumat di UiTM Sepanjang kursus tersebut berlangsung selama tiga hari, penceramah turut dibantu oleh Encik Mohd Paizal Usman dari PTAR selaku fasilitator.



- Objektif kursus ini diadakan adalah untuk :**
- Untuk memberi kefahaman dan kemahiran mengenai Adobe InDesign peringkat Asas.
  - Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam penggunaan Adobe InDesign dengan versi yang terkini.
  - Memberi peluang kepada staf untuk menjadi lebih kreatif dalam mengendalikan Adobe InDesign.
  - Mengenalpasti masalah yang dihadapi dalam penggunaan Adobe InDesign.

